

Pupuk semangat perkongsian ilmu

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kunjungan ahli Majlis Tertinggi Mahasiswa (MTM) Kolej 16, Universiti Putra Malaysia (UPM) sesi 2017/2018 ke Medan, Indonesia, baru-baru ini bukan saja membuka peluang kepada pelajar untuk berkongsi ilmu berkaitan sosio budaya Malaysia-Indonesia tetapi turut menyumbang bakti kepada pelajar sekolah dan anak yatim di sana.

Program selama 17 hari yang dianjurkan Kolej 16, UPM sesi 2017/2018 itu mengadakan lawatan ke Universiti Sumatera Utara (USU), Sekolah Negeri 35 Medan serta mengunjungi Rumah Yatim Setia Budi.

Pengarah program, Siti Nurfarhana Norhaiza, berkata penganjuran program itu bertujuan memupuk semangat perkongsian ilmu antara dua negara membabitkan pelbagai aspek termasuk kebudayaan.

Kualiti kepemimpinan

Katanya, lawatan ke USU memberi peluang kepada delegasi dari UPM untuk berinteraksi lebih dekat dengan rakan mahasiswa dari universiti itu serta mempelajari secara bersemuka ciri budaya masyarakat Indonesia khususnya penduduk Medan.

"Walaupun Malaysia dan Indonesia adalah jiran dan kita serumpun, namun masih banyak ciri budaya yang boleh kita kongsi dan fahami bersama.

"Peluang bersama-sama mahasiswa USU dan penduduk Medan ini amat bermakna dan kami berharap ruang memperoleh ilmu di peringkat antarabangsa akan terus terbuka luas untuk kami pada masa akan datang," katanya.

Seramai 20 ahli MTM Kolej 16, UPM sesi 2017/2018 menyertai kunjungan yang dianjurkan melalui Program Youth Educational Exchange (YEEP) itu.

Sementara itu, peserta program, Norliatika Elias berkata, sempena kunjungan itu, mereka berpeluang melawat dan mengadakan aktiviti bersama pelajar Sekolah Negeri 35 Medan serta mengunjungi Rumah Yatim Setia Budi.

"Kami anggota MTM amat bersyukur kerana dapat meluangkan masa bersama-sama anak yatim di Rumah Yatim Setia Budi Medan," katanya.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Melayu, Syed Ahmad Faisal Sayed Muhammad, berkata YEEP berjaya meningkatkan kualiti kepimpinan peserta kerana segala perancangan aktiviti diurus sendiri oleh mahasiswa.

"Antara aktiviti diadakan ialah *ice-breaking* bersama PEMA iaitu perwakilan pelajar universiti USU serta Forum Penggunaan Bahasa Melayu Zaman Kini," katanya.

Guru Besar Sekolah Negeri Medan 35, Juniti Siregar, berkata, lawatan daripada peserta YEEP adalah kunjungan mahasiswa luar negara yang pertama ke sekolah itu dan pelajar sangat gembira menerima lawatan mahasiswa luar negara serta teruja melakukan aktiviti lukisan mural dan permainan tradisional bersama-sama.

Bersempena lawatan itu juga, YEEP UPM turut melakukan kunjungan hormat kepada Konsul Jeneral Malaysia di Medan, Indonesia, Armi-zal Fadzli.



Delegasi dari UPM bergambar bersama pelajar Sekolah Negeri Medan 35



Ahli MTM turut mengadakan beberapa aktiviti bersama pelajar Sekolah Negeri Medan.